

## **Imigran Jepun di Sabah Pasca Perang Dunia Kedua: Satu Tinjauan dari Aspek Hubungan Etnik**

MD. SAFFIE ABDUL RAHIM

*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Jln. UMS, 88400 Kota Kinabalu*

**Abstrak** Kedatangan pemodal Jepun pada tahun 1884 menjadi titik permulaan kewujudan minoriti imigran Jepun di Sabah. Imigran Jepun yang bermigrasi membawa bersama dialek bahasa serta budaya yang pelbagai dan berbeza dengan masyarakat di Sabah. Tambahan pula pelbagai peristiwa semasa yang melibatkan Jepun seperti Perang Cina-Jepun 1894–1895, Perang Cina-Jepun 1937–1945 dan pendudukan mereka di Asia Tenggara (1941–1945) menyebabkan sentimen anti-Jepun sentiasa berlaku. Walaupun selepas perang dan setelah Sabah mencapai kemerdekaan, hubungan etnik masyarakat Jepun di Sabah tetap terjalin akrab. Jumlah masyarakat Jepun pasca Sabah merdeka, sama ada sebagai pelawat atau pemastautin mengalami peningkatan yang berterusan. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis hubungan etnik imigran Jepun di Sabah bermula dari tahun 1945 hingga 1980-an. Penyelidikan ini disempurnakan dengan menggunakan kajian perpustakaan dan temu bual. Kaedah penyelidikan perpustakaan dilakukan melalui sumber primer dalam bentuk dokumen bertulis dan surat khabar yang diperoleh daripada Arkib Negeri Sabah dan *British National Archives* (London). Temu bual digunakan bagi membolehkan usaha dokumentasi fakta yang tidak terdapat dalam bentuk sumber penulisan diperoleh. Melalui analisis dan kaedah penyelidikan yang digunakan, kajian ini mendapati masyarakat Jepun di Sabah tidak bersifat asimilasi sepenuhnya tetapi hanya bersifat masyarakat majmuk sahaja.

**Kata kunci:** Imigran Jepun, Sabah, pasca perang, hubungan etnik.

*Abstract* The arrival of Japanese investors in 1884 became the starting point of the existence of Japanese minorities in Sabah. In this regard, the Japanese immigrants in Sabah brought together their cultural differences and languages compared to the Sabah's communities. Furthermore, the Japanese

*involvement in the Sino-Japanese War (1894–1895), the Sino-Japanese War II (1937–1945), and the occupation Southeast Asia (1941–1945) has stirred anti-Japanese sentiments in this region. However, in the post war period and after Sabah gained independence, the Japanese society continued to maintain cordial relationship with other ethnic groups in Sabah. In this period, Japanese population in Sabah continued to increase. Thus, this study aims to analyze ethnic relations between the Japanese society and Sabah communities between the period of 1945 to 1980's. The research methodology of this study is based on research library and interviews. The primary resources of library research are based on the reports, files and newspapers found in the Sabah State Archives, and the British National Archives (London). Interviews are used to complement the library research especially when the fact are not available in written form. This study discovered that the Japanese society in Sabah during that period was not assimilated with Sabah society in general and they were continued to live in the context of a plural society.*

**Keywords:** *Japanese immigrant, Sabah, post war, ethnic relations.*

## PENGENALAN

Migrasi pada tahun 1884 mewujudkan masyarakat Jepun di Sabah. Populasi mereka bertambah sehingga pendudukan Jepun pada 1942–1945. Namun, kekalahannya pada Perang Dunia Kedua menyebabkan masyarakat Jepun di seberang laut termasuk di Sabah kembali ke Jepun, manakala negaranya menjadi terasing dan terpinggir. Jepun hanya kembali menjalinkan hubungan dua hala pada 1949 dan kembali mengunjungi Sabah pada 1956. Imigran Jepun di Sabah turut membawa dialek bahasa serta budaya yang pelbagai dan berbeza dengan masyarakat tempatan. Begitu juga beberapa peristiwa membabitkan Jepun menyebabkan sentimen anti-Jepun sentiasa berlaku. Malahan, pendudukan Jepun di Asia Tenggara sering dikaitkan dengan dasar kejam dan kehidupan yang memeritkan. Situasi ini menyebabkan masyarakat Jepun sering dibenci, dimusuhi, tidak dipercayai dan ditakuti. Justeru, persoalannya berdasarkan populasi etnik Jepun di Sabah, bagaimanakah situasi hubungan etnik masyarakat Jepun dan masyarakat lain di Sabah antara 1955 sehingga 1980-an?

## HUBUNGAN ETNIK

Etnik didefinisi sebagai sekelompok manusia yang mempunyai ikatan kebudayaan yang banyak persamaan dalam aspek agama, ras, asal usul selain berkongsi adat, bahasa, pakaian tradisional, makanan dan mempunyai hubungan sosial sesama mereka. Perkongsian nilai telah menghasilkan identiti etnik tertentu yang secara tidak langsung membahagikan masyarakat kepada kumpulan etnik yang berbeza.<sup>1</sup> Kepelbagaian etnik kerap kali menimbulkan hubungan yang harmoni, penyesuaian, persaingan dan konflik. Situasi ini mendorong kepada kewujudan sekumpulan etnik yang berkuasa (dominan) serta kumpulan etnik minoriti dalam kedudukan sosial yang rendah dan terpinggir. Komposisi penduduk ini mewujudkan ciri-ciri masyarakat yang bersifat masyarakat majmuk (masyarakat minoriti yang mempunyai sifat tolak ansur terhadap kelompok dominan), masyarakat berasimilasi (masyarakat yang mempunyai sifat bersedia untuk menghilangkan corak kebudayaan asal mereka demi mendapatkan persamaan kebudayaan kelompok dominan), masyarakat beralih ganti (masyarakat dari kelompok minoriti yang cuba hidup bebas dari kelompok dominan) dan masyarakat militan (masyarakat yang cuba bebas dan berusaha menguasai kelompok dominan).<sup>2</sup>

Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan tamadun Jepun, umpamanya Abu Talib Ahmad menjelaskan masyarakat Jepun merupakan masyarakat yang homogen khususnya dari segi budaya dan fizikal. Namun begitu, tidak bermakna masyarakat Jepun boleh hidup secara bersama dan harmoni sesama mereka. Hal ini demikian kerana masih wujud persepsi kasta dalam minda masyarakatnya yang menyebabkan hubungan etnik mereka sulit untuk difahami. Hal ini dapat dilihat melalui hubungan orang Jepun dengan golongan *burakumin* (pariah) atau *eta* yang dikaitkan dengan status rendah dalam hierarki masyarakat Jepun.<sup>3</sup> Mentaliti seperti ini ditambah dengan corak pola petempatan penduduknya yang berselerak mewujudkan pula kepelbagaian dialek bahasa.<sup>4</sup> Walaupun ramai penduduk Jepun berpendidikan dan menggunakan bahasa formal bertutur di sekolah, apabila kembali ke kampung dari wilayah yang berbeza-beza, mereka

berbual menggunakan dialek tempatan. Bagi masyarakat luar, orang Jepun dikenali sebagai ‘orang Jepun’ tetapi dalam kalangan orang Jepun sendiri, individu itu akan dikenali berdasarkan wilayah (*kuni*) seseorang itu menetap. Kepelbagaian ini ada kalanya menghalang terjalannya hubungan yang lebih baik dalam kalangan masyarakat Jepun itu sendiri.

Situasi ini turut berlaku dalam kalangan imigran Jepun di seberang laut seperti benua Amerika dan Asia Tenggara. Beberapa kajian lepas seperti oleh Lydia N. Yu-Jose di Filipina, Yukiko Kimura di Hawaii dan C. Harvey Gardiner di Peru serta beberapa lagi pengkaji lain mengkaji perbezaan sosiobudaya imigran Jepun dan impaknya kepada kehidupan bermasyarakat di seberang laut.<sup>5</sup> Beberapa kajian lepas juga kerap kali memberi penjelasan yang bersifat naratif. Misalnya K. V. Kesavan menjelaskan, “*The Japanese did not inter-marry with the Filipinos and remained confined to themselves. There is no positive indications whatsoever that the Japanese colonists desired to be assimilated into Filipino culture.*”<sup>6</sup> L.W. Jones pula menggambarkan sebagai, “*They lived in a closed community, self-contained, self-sufficient, speaking their own language, and apparently incapable of assimilation into the country. Unlike their military compatriots, they left no mark, cultural or social, behind them.*”<sup>7</sup>

Persoalannya ialah sejauh manakah tahap hubungan etnik imigran Jepun dan masyarakat lain pasca Perang Dunia Kedua di Sabah? Bolehkah masyarakat Jepun beramal gamasi melalui proses interaksi biologi seperti proses perkahwinan campur atau hanya bersifat masyarakat pluralisme, iaitu wujudnya pelbagai etnik dan budaya di bawah satu bumbung pemerintahan? Dalam menjawab persoalan ini, analisis dilakukan dengan meninjau interaksi politik (hubungan antara Kerajaan Sabah–Jepun dan pemimpin tempatan Sabah–Jepun) dan interaksi sosial (kehidupan seharian, persatuan sosial, sukan, kadar jenayah, perkahwinan, persekolahan, pola petempatan dan bahasa) dijadikan sebagai alat analisis perbincangan.

## ZAMAN PEMERINTAHAN *CROWN COLONY* (CC)

Kerajaan British, iaitu *Crown Colony* (CC) kembali berkuasa pada 1946 sehingga 31 Ogos 1963. Sehingga 1955, hubungan etnik masyarakat Jepun tidak dapat digambarkan secara jelas memandangkan bilangan mereka adalah sedikit, selain berlaku sekatan kemasukan masyarakat Jepun ke Sabah yang masih berkuat kuasa. Justeru, tidak wujud interaksi politik (hubungan antara Kerajaan Sabah–Jepun dan pemimpin tempatan Sabah–Jepun) dan interaksi sosial (kehidupan seharian, persatuan sosial, sukan, bahasa, budaya, kadar jenayah, perkahwinan, persekolahan dan pola petempatan) secara jelas dalam tempoh ini.<sup>8</sup>

Namun, setelah sekatan kemasukan ditarik semula, fenomena interaksi sosial khususnya dari segi perasaan anti-Jepun masyarakat tempatan dalam tempoh sepuluh tahun peperangan berakhir masih dirasai. Dalam akhbar *North Borneo News & Sabah Times* (NBNST) keluaran 9 Ogos 1956, rombongan *War Grave Mission* tidak dihiraukan para pemandu teksi walaupun mereka sanggup membayar tambang yang tinggi untuk ke kawasan perkuburan Jepun di Jalan Tuaran.<sup>9</sup> Wartawan Jepun yang mengikuti rombongan tersebut turut menyuarakan rasa tidak puas hati apabila mereka tidak bebas berjalan dan membuat liputan akibat daripada kawalan ketat Kerajaan British yang khuatir dengan ancaman keselamatan. Begitu juga dalam NBNST keluaran 7 Ogos 1956 menjelaskan, “*During their stay in Jesselton the Japanese had been accompanied by policemen everywhere they had been to and at the press conference.*”<sup>10</sup>

Bagaimanapun, perasaan anti-Jepun pasca Perang Dunia Kedua tidak berlaku secara menyeluruh. Dalam ruangan pembaca, NBNST menyiarkan pendapat pembaca yang mempunyai fikiran positif dan jangka panjang tentang isu anti-Jepun. Seorang pembaca yang menggelarkan diri sebagai ‘*Business Minded*’ menjelaskan tentang kecenderungannya untuk tidak bersikap anti kepada Jepun.

*Looking at the Asian market we see there is keen competition between Britain, America and Japan. It is enough to prove the ability of Japan to produce competitive products for the world market. The Japanese goods, in quality may be poor but have we should learn is the*

*Japanese method of production. North Borneo which is the poorest country as far as the industries are concerned, requires learning from Japan. North Borneo cannot hope to develop big industries, but with her limited resources she can develop home industries. Let our keen and interested people go to Japan and learn home industries. People will think I may be a Japsucker. No. I am not but I have the country's good future at heart.<sup>11</sup>*

Pendirian ini turut dikongsi beberapa pembaca yang menggelarkan diri sebagai 'A Christian' dan 'Anak Ikan (Sandakan)' dilihat sependapat dengan 'Business Minded.' Menurut 'A Christian,' kemajuan ekonomi yang dicapai oleh Jepun harus dijadikan peluang oleh masyarakat Sabah memperbaiki ekonomi mereka yang merudum kesan daripada Perang Dunia Kedua. Beliau menambah, "Tidak ada apa yang boleh diperoleh melalui kebencian, biarlah kita memaafkan Jepun dan yang mati biarlah ia bersemadi." 'Anak Ikan' turut mengulas tentang hasrat pemodal Jepun yang berminat melabur dalam kegiatan perikanan di Sandakan bahawa "*First of all my point on that Okinawa are not really Japanese? They spoke an entirely different language from the Japs and today Okinawa is an American base and to my knowledge is under American justification.*"<sup>12</sup> Ada juga individu yang menjadi 'mangsa peperangan' masih mempunyai perasaan anti-Jepun. Contohnya, pembaca yang menggelarkan dirinya 'Once Victim' menjelaskan;

*"Ten years ago they were Nips-On-Koees now they are back again where they were before, Nipponese. Why the people were not told beforehand that the Japs were coming here? What right had the Government or British Government at Whitehall to give the Japs permission to come to North Borneo and respect their dead soldiers who came here to rob, to rape and to kill? And if the Japs are permitted to put up a memorial in honour of their dead soldiers then it is insular to injury. Go back, Japs. We do not want you here."<sup>13</sup>*

Secara keseluruhannya selepas tahun 1955, kebanyakan masyarakat Sabah dapat menerima semula kedatangan orang Jepun. Hubungan diplomatik khususnya melalui siri lawatan rasmi dan tidak rasmi bagi membawa misi politik mahupun ekonomi memberi gambaran tentang hubungan etnik yang semakin terpelihara selepas sepuluh tahun berakhirnya perang. Konsul-konsul Jepun di Singapura, iaitu Seizo Hinata, Konsul Jepun pertama di Singapura melawat Sandakan dan Jesselton pada 7 Mei 1959,

Konsul Kanseku Maeda pada Mac 1961 dan Konsul Ken Ikeba pada Mac 1962.<sup>14</sup> Dalam siri lawatan ekonomi pada Mei 1961 pula, sekumpulan ahli perniagaan Jepun melawat Sandakan dan beberapa daerah lain bagi melihat prospek ekonomi, misi rombongan syarikat *Yawata Iron and Steel Works* dan syarikat penangkapan ikan di Pulau Berhala, Sandakan.<sup>15</sup> Bagi misi sukan, pada Oktober 1961 seramai lima orang pemain ping pong Jepun datang ke Sandakan mengadakan perlawanan persahabatan dengan pemain Sabah.<sup>16</sup> Selain itu, lawatan daripada kalangan orang perseorangan berada dalam kedudukan statistik tertinggi masyarakat Jepun di Sabah pasca merdeka.

Beberapa pandangan individu Jepun yang mengadakan lawatan ketika itu memberi gambaran tentang masyarakat Sabah. Contohnya, seorang anak kapal *Shima Maru* yang berlabuh di Jesselton pada Oktober 1959 menyatakan bahawa, "*He also remarked at the friendliness of the people and the peaceful atmosphere of this place.*"<sup>17</sup> Begitu juga dengan rombongan misi perdagangan pada 11 Julai 1959 yang bertujuan meninjau potensi pelaburan di Sabah diketuai oleh S. Murakami menjelaskan, "*They were received well everywhere they went. People were very hospitable and the Government offered them every facility to carry out survey work.*"<sup>18</sup> Ketika cawangan *Bank of Tokyo* dibuka semula di Singapura, peluang pekerjaan turut ditawarkan kepada bekas kakitangan warga Sabah yang pernah bekerja dalam *Yokohama Specie Bank* cawangan Sabah sebelum ini.<sup>19</sup> Tawaran ini menjadi bukti tentang sifat keterbukaan syarikat kewangan Jepun terhadap hubungan Jepun dan masyarakat tempatan.

Hubungan orang Jepun dan Cina masih di tahap yang baik. Ketika lawatan S. Murakami pada 11 Julai 1959, mereka diraikan oleh Encik Chong selaku Pengerusi Persatuan Perdagangan Cina Sabah. Encik Chong menjelaskan, "*We like to show friendliness to all foreign people who come here to invest and do good to the country. It is just a matter of courtesy. The Japanese come here more or less like guests and the guest should first greet the hosts according to Chinese customs.*"<sup>20</sup> Malahan, penerima hadiah Rancangan Colombo Sabah turut dianugerahkan kepada Lawrance Liew Thien Feh yang terpilih mengikuti latihan di Jabatan Pertanian Tokyo selama tiga bulan.<sup>21</sup> Beberapa syarikat Jepun seperti *Takeaki Company* dan juga *Gaya Pearl Company* (GPC) turut mempunyai buruh dari kalangan masyarakat Cina.<sup>22</sup>

Sungguhpun begitu, bagi aktiviti sukan dan interaksi harian dalam tempoh masa ini masih lagi terhad. Tidak wujud aktiviti sukan mahupun riadah yang dianjurkan secara bersama walaupun sudah ada usaha ke arah itu. Bagaimanapun, menurut Mansur Abu Kassim, buruh Jepun yang bekerja di TFC kerap kali menjemput masyarakat tempatan menyaksikan aktiviti sukan seperti sumo dan gusti lengan yang diadakan di Pulau Si-Amil dan Dinawan pada waktu *parai* (hujung minggu). Beliau menggambarkan ketika berlangsungnya minggu *parai*, masyarakat setempat mempunyai hubungan yang harmoni dengan orang Jepun yang menurut beliau sangat peramah dan pemurah. Masyarakat tempatan ketika itu bebas untuk mendapatkan hasil ikan dari kilang *Toyo Fishing Company* (TFC) yang tidak dikomersialkan seperti organ dalam dan kepala ikan kayu. Buruh Jepun yang balik semula setelah bercuti ke Jepun juga kerap kali membeli buah tangan dari Jepun untuk diberikan kepada masyarakat setempat.<sup>23</sup> Selain itu, pihak Kerajaan British turut menyediakan perkhidmatan radio telefon ke Jepun bagi memudahkan hubungan sosioekonomi dan politik.<sup>24</sup>

Dalam isu jenayah, ada beberapa kes terpercil melibatkan jenayah khususnya tragedi dan pergaduhan. Bagaimanapun, berdasarkan laporan akhbar NBNST pada Julai 1961, rekod kematian masyarakat Jepun pertama di Sabah pasca perang tidak mempunyai unsur jenayah. Akhbar NBNST melaporkan kes kematian mengejut seorang kelasi kapal Jepun yang sampai ke Sandakan untuk mengangkut kayu balak adalah disebabkan demam panas. Mayatnya telah dikebumikan di perkuburan Cina Sandakan.<sup>25</sup> Sementara kes jenayah pertama ialah pada 7 November 1961 apabila seorang nelayan Jepun yang bekerja di TFC Pulau Si Amil dipenjara selama tiga minggu kerana menyebabkan kecederaan kepada rakan sekerjanya yang berbangsa Jepun.<sup>26</sup> Begitu juga tabiat minum minuman keras buruh Jepun TFC ketika waktu *parai* (cuti hujung minggu). Menurut Mansur Abu Kassim, tabiat minum minuman keras dalam kalangan masyarakat Jepun di Pulau Si-Amil menyebabkan kerap kali berlaku pergaduhan sesama mereka.<sup>27</sup> Walau bagaimanapun, kes-kes terpercil ini tidak dianggap melibatkan ketegangan hubungan etnik tetapi lebih berbentuk kes kematian mengejut dan juga jenayah terpercil yang berlaku disebabkan hal-hal peribadi. Cuma dari segi bahasa pertuturan, penggunaan bahasa Melayu lebih cenderung digunakan orang Jepun berbanding bahasa Bajau yang dituturkan oleh masyarakat



setempat. Malahan, menurut Mansur Abu Kassim merujuk kes buruh Jepun di syarikat TFC, beliau tidak pasti sekiranya mereka fasih bertutur dalam bahasa Bajau. Bagaimanapun, ramai daripada kalangan masyarakat tempatan yang boleh bertutur dalam bahasa Jepun.<sup>28</sup>

Bagi perkara-perkara yang melibatkan persatuan sosial, kegiatan sukan, perkahwinan, persekolahan dan pola petempatan masyarakat Jepun di Sabah, fasa pasca perang masih tidak begitu ketara. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, faktor bilangan komuniti masyarakat Jepun yang sedikit serta sekatan kemasukan yang belum ditarik balik menyebabkan interaksi politik dan sosial tidak berlaku secara ketara.

## ZAMAN PASCA SABAH MERDEKA

Sehingga Sabah mencapai kemerdekaan, hubungan Jepun dan Asia Tenggara termasuk Malaysia masih lagi tidak stabil. Sueo Sudo menjelaskan, “*Japan-Southeast Asia relations were pervaded by residual feelings of enmity until the early 1970s, reaching a peak in 1974 when stormy anti-Japanese movements engulfed the region.*”<sup>29</sup> Walau bagaimanapun, hal ini berbeza apabila hubungan Sabah dan Jepun semakin akrab. Malahan, pasca Sabah merdeka menunjukkan interaksi politik dan sosial antara Jepun dan Sabah menjadi semakin kerap.

**Jadual 1** Bilangan kedatangan orang Asia Timur ke Sabah pada 1969–1985

Negara	1969	1970	1972	1974	1976	1978	1980	1982	1984	1985
Jepun	1,590	2,053	2,055	3,355	3,099	3,646	5,043	5,985	6,255	4,390
China	397	12	25	30	84	458	99	70	79	5
Taiwan	204	393	328	423	140	*	883	2,191	2,566	1,846
H. Kong	334	593	473	1,109	993	1,129	236	1,512	1,039	787
Korea	154	317	415	241	227	337	655	1,597	1,046	982
<b>Jumlah</b>	<b>2,679</b>	<b>3,368</b>	<b>3,296</b>	<b>5,158</b>	<b>4,543</b>	<b>5,570</b>	<b>6,916</b>	<b>11,355</b>	<b>10,985</b>	<b>8,010</b>

\* - Jumlah populasi masyarakat Jepun ke Sabah dari tahun 1963–1968 tidak dicatatkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

- Jumlah pelawat dari Taiwan telah digabungkan dengan jumlah pelawat dari China pada statistik tahun 1978.

Sumber: Dikumpul daripada Laporan Perangkaan Ketibaan Pelawat Sabah Tahun 1969–1985, Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sabah.

Interaksi politik yang baik antara Jepun dan Sabah juga jelas dalam usaha menyelesaikan konflik antarabangsa pertama Sabah selepas penubuhan Malaysia apabila Konfrontasi Malaysia dan Indonesia tercetus pada 1963–1966. Ketika idea penubuhan Malaysia dilontarkan dan mendapat tentangan dari Indonesia dan Filipina, Jepun banyak memainkan peranan dalam menyelesaikan konflik ‘adik-beradik’ ini. Dato Fumihito Kei selaku Duta Jepun ke Malaysia dalam siri lawatan kerjanya ke Sabah pada 3 Julai 1965 telah menawarkan Jepun sebagai ‘orang tengah’ bagi menyelesaikan konflik berkenaan.<sup>30</sup> Kajian berkenaan peranan Jepun terhadap penyelesaian konflik konfrontasi ini pernah dibuat oleh Masashi Nishihara pada 1976.<sup>31</sup> Begitu juga siri lawatan rasmi dan tidak rasmi orang Jepun ke Sabah pasca merdeka yang memberi gambaran tentang keakraban hubungan kedua-dua belah pihak.<sup>32</sup>

Dari segi isu perjanjian *Goodwill Payment Agreement* antara Malaysia dan Jepun, masyarakat Cina di Sabah mempunyai pandangan yang berbeza dengan masyarakat Cina di Semenanjung. Persatuan Perdagangan Cina Malaysia membantah persetujuan antara Tunku Abdul Rahman dan Perdana Menteri Jepun, Eisaku Sato tetapi Persatuan Perdagangan Cina Sabah lebih bersifat berkecuali.<sup>33</sup>

Lawatan pertama wakil Kerajaan Jepun selepas Sabah merdeka ialah pada 6 Januari 1964 melalui I. Nakajima selaku Setiausaha Pertama Kedutaan Jepun di Kuala Lumpur. Lawatan ini merupakan suatu peristiwa yang bermakna bagi orang Jepun di Kepulauan Borneo umumnya dan Sabah khususnya, memandangkan melalui lawatan ini, Nakajima telah mengumumkan usaha Kerajaan Jepun untuk membuka konsulat di Kepulauan Borneo. Penubuhan Konsulat Jepun yang beribu pejabat di Kota Kinabalu memberi gambaran tentang usaha Kerajaan Jepun memberi perkhidmatan kepada masyarakat Jepun yang menetap di Sabah, Sarawak dan Brunei dan seterusnya mewujudkan hubungan yang baik. T. Hashimoto telah dilantik secara rasmi pada 2 Mac 1965 sebagai konsul pertama Jepun di Kepulauan Borneo dan kekal sehingga Januari 1969.<sup>34</sup>

Keakraban hubungan Jepun dan Sabah terserlah melalui langkah T. Hashimoto selaku Konsul Jepun pada 1967 yang menghadiahkan cek

sebanyak RM1,000 berbentuk sumbangan peribadi kepada Yayasan Sabah.<sup>35</sup> Malahan, Yang Dipertua Kelab Jepun di Malaysia, Koichi Tohyama serta Kakuei Tanaka, Perdana Menteri Jepun ketika melawat Malaysia pada 1974 turut menyarankan agar komuniti kecil orang Jepun di Malaysia (termasuk Sabah) menyesuaikan diri, memperbaiki hubungan dengan masyarakat tempatan, memahami pemikiran rakyat tempatan dan mengamalkan sikap bertolak ansur.<sup>36</sup>

Seterusnya dari aspek interaksi sosial, hubungan harmoni ini semakin ketara apabila *Sabah Times* keluaran Oktober 1970 menjelaskan peningkatan kedatangan orang Jepun sehingga 1970, khususnya dari kalangan pelancong menyebabkan agensi pelancongan di Sabah memerlukan pemandu pelancong yang fasih berbahasa Jepun. Malahan, sebagai usaha menggalakkan kedatangan pelancong Jepun, pada Mac 1973 seramai empat orang kakitangan televisyen *The Nihon Television Corporation Producer* diketuai oleh T. Hoshino, telah bekerjasama dengan Kerajaan Sabah membuat satu dokumentari tentang Sabah. Mereka membuat penggambaran di *Kinabalu National Park*, Gunung Kinabalu, *Sandakan Orang Utan Sanctuary* dan *Kundasang War Memorial*.<sup>37</sup> Seorang pelancong Jepun dari Osaka, Shigeo Totsu melihat Sabah akan menjadi destinasi pelancongan baharu kepada masyarakat Jepun. Beliau berkata, "*I am much surprised to find such a rapidly developing city and I am quite sure it will be quite a city in the near future. The Gaya Street Sunday Fair is a paradise. The people seem to be very happy and I had nothing to worry about security. I have truly enjoyed my stay here.*"<sup>38</sup> Akhbar NBNST turut menjelaskan tentang reaksi pelawat Jepun serta gambaran mereka berkenaan dengan Sabah dan masyarakatnya. Osamu Watanabe wartawan dari Asahi Shimbun menjelaskan, "*This is my first visit to Borneo. This place is quite peaceful to me and I don't see many soldiers hanging around.*"<sup>39</sup> Yasuaki Yoshimura, Pengurus lombong *Overseas Mineral Resources Development (OMRD)* di Ranau pula memberi gambaran, "*People of Ranau had been friend and helpful to the Company in several minor jobs,*"<sup>40</sup> dan Toru Ayukawa iaitu Coordinator JOCV di Sabah pada awal tahun 1975 menyatakan "*I like Kota Kinabalu very much. The people are kind and friendly.*"<sup>41</sup>

Usaha memperingati mangsa Perang Dunia Kedua yang diadakan di Sabah merupakan antara bukti kukuh wujud hubungan etnik antara kedua belah pihak. Pengarah Bahagian Bantuan kepada Biro Bantuan Mangsa Perang Menteri Kesihatan dan Kebajikan Jepun, Tadao Sawae menghadiri upacara pembinaan fasa satu Labuan Peace Park di Pulau Layang-Layang dan fasa kedua pada April 1983. Projek ini mendapat bantuan Jepun bagi mangsa yang terkorban semasa Perang Dunia Kedua.<sup>42</sup> Pada Ogos 1974, delegasi *South Pacific Friendship Association* dari Osaka melawat Kota Kinabalu untuk memberi penghormatan kepada askar Jepun yang terkorban dalam Perang Dunia Kedua. Rombongan ini terdiri daripada 30 orang lelaki dan wanita (ada di antara mereka yang mempunyai pertalian saudara dengan mangsa korban perang), di samping sami Buddha mengunjungi perkuburan Jepun dan juga *Petagas War Memorial*.<sup>43</sup> Seramai 35 orang rombongan Jepun telah sampai pada minggu pertama Oktober 1976 di Jesselton yang diketuai oleh Presiden Persatuan Persahabatan Pasifik Selatan (*Japanese South Pacific Friendship Association*), Mumon Yamada. Rombongan ini disertai oleh dua orang balu tentera Jepun, iaitu Kiuchi dan Y. Miura.<sup>44</sup>

Peningkatan ketara kemasukan masyarakat Jepun ke Sabah pasca merdeka mendorong kepada penubuhan persatuan sosial mereka di Sabah. Persatuan sosial orang Jepun ditubuhkan pada Mac 1979 yang dikenali sebagai Kelab Jepun Kota Kinabalu dan *Tawau Japan Club* dipengerusikan oleh TCJ Takao Matsuki. Persatuan ini memfokus kepada pembangunan sosiobudaya Jepun di Sabah.<sup>45</sup>

Aktiviti sukan antara masyarakat Jepun dan masyarakat lain juga terjalin dengan baik. Pada Julai 1966, orang Jepun telah terlibat dalam pertandingan *5<sup>th</sup> Annual Sports Festival*. Dalam pertandingan tersebut, tiga atlet Jepun iaitu Mariama, Osanai dan Masarani yang bekerja di *Sabah Teiseki Oil Company* (STOC), Pulau Sibatik mewakili pasukan Wallace Bay Sendirian Berhad.<sup>46</sup> Seterusnya pada 13 September 1982, Persatuan Jepun di Sabah telah menganjurkan kejohanan golf yang menarik penyertaan seramai 140 peserta bagi merebut *Japan Cup*. Naib Presiden Persatuan berkenaan, T. Nakao menjelaskan tujuan pertandingan ini sebagai... “*In so doing a closer bond of friendship would be established. A better understanding between the local people and the Japanese in Sabah, would also be fostered*

*through the game of golf.*” Pada kejohanan tersebut, Datuk Harris Salleh, Ketua Menteri Sabah muncul sebagai johan pertandingan manakala tempat kedua jatuh kepada Shojie.<sup>47</sup>

Dalam isu kadar jenayah, wujud kes-kes jenayah yang melibatkan orang Jepun. Kes pertama berlaku pada Januari 1966 apabila seorang anak kapal Jepun telah dcederakan oleh pekerja tempatan dan buruh Indonesia. Walau bagaimanapun, kejadian ini tidak melibatkan sentimen anti-Jepun atau prejudis kaum tetapi bersifat peribadi.<sup>48</sup> Begitu juga dalam kejadian rompakan pada 25 April 1981, di Stesen Hidro Pangi-Tenom sehingga menyebabkan kematian jurutera Jepun, S. Ohkubo.<sup>49</sup> Pada 30 Oktober 1983, serangan lanun telah berlaku di *Gaya Pearl Company* (GPC) di Pulau Bohey Dulang yang menyebabkan kematian kepada H. Waki (Pengurus Besar) dan H. Horiguchi (Pengurus) dan K. Nagamasa (Pegawai Biologi) mengalami kecederaan.<sup>50</sup> Motif serangan tersebut lebih bersifat rompakan dan bukannya bersifat anti-Jepun.

Rabbi Abtahil juga menggambarkan hubungan antara buruh tempatan, asing dan Jepun di syarikat GPC sebagai harmoni tanpa berlaku sebarang pergaduhan yang bersifat kes jenayah.<sup>51</sup> Berbanding penglibatan masyarakat Jepun dalam pelbagai jenis kegiatan jenayah di Amerika Syarikat, ternyata masyarakat Jepun masih berada dalam kelompok masyarakat kecil yang terlibat dengan pelbagai jenayah. Hal ini diakui sendiri oleh William Petersen yang menjelaskan masyarakat Jepun di Amerika Syarikat merupakan masyarakat yang kurang terlibat dengan kadar jenayah jika dibandingkan dengan etnik lain.<sup>52</sup>

Satu-satunya rekod perkahwinan antara orang Jepun dan masyarakat tempatan telah dilaporkan dalam akhbar KST pada 20 Ogos 1969. Laporan ini menyatakan pada Ogos 1969, seorang akauntan Jepun bekerja dalam syarikat *Sabah Teiseki Oil Company* (STOC) dikenali sebagai Kohki Yukawa telah berkahwin dengan Fung Sui Jin yang bekerja di syarikat yang sama.<sup>53</sup> Bermakna, hubungan etnik dalam bentuk perkahwinan sebelum perang agak terhad bilangannya. Sekiranya dibuat perbandingan dengan Amerika Syarikat sememangnya wujud persamaan. Kitano menjelaskan di Los Angeles, 96 peratus daripada ibu bapa *Nisei* (generasi kedua imigran

Jepun di seberang laut) lebih cenderung menggalakkan anak mereka berkahwin dengan orang Jepun.<sup>54</sup> Perkara ini menunjukkan orang Jepun di seberang laut termasuk Sabah tidak begitu berminat untuk berkahwin dengan masyarakat lain selain daripada orang Jepun.

Sejak awal 1960-an, Kerajaan Jepun cenderung menggalakkan orang Sabah merebut peluang melanjutkan pelajaran atau mendapatkan latihan kemahiran di Jepun. Pada Ogos 1965 Kerajaan Jepun menawarkan 60 biasiswa kepada masyarakat Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak di bawah Rancangan Colombo.<sup>55</sup> Malahan pada Disember 1964, Tokyo menawarkan biasiswa kepada pelajar yang berminat melanjutkan Pelajaran ke Jepun Khususnya Peringkat Pengajian Sarjana Ilmu Kemanusiaan, Sains Kemasyarakatan dan Sains Tulen.<sup>56</sup>

Selain itu, Pusat Latihan Belia Koperasi Pembangunan Desa (KPD) – *Organization for Industrial, Spiritual and Cultural Advancement* (OISCA) (KDP-OISCA) juga ditubuhkan pada 1977 di Kampung Limbawan, Keningau sebelum berpindah ke kampus tetap di Lagud Seberang, Tenom pada 1989. Pusat latihan KPD-OISCA Sabah merupakan pusat latihan belia di Jepun yang memberi tumpuan latihan berasaskan sektor pertanian. Pusat latihan OISCA cawangan Sabah merupakan cawangan OISCA pertama yang mendapat bantuan kewangan sepenuhnya dari OISCA pusat di Tokyo.<sup>57</sup>

Secara berperingkat, dasar Kerajaan Sabah juga sudah mula memerhatikan Jepun sebagai sebuah negara yang wajar dijadikan model pembangunan sosioekonomi. Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, Tan Sri Haji Suffian Koroh pada Mac 1983 menyarankan agar masyarakat tempatan meniru budaya kerja Jepun yang bersifat “Isho kenme gambarismasu” (Belajar Bersungguh-sungguh) bagi menambah daya pengeluaran demi pembangunan sosioekonomi setempat.<sup>58</sup>

Bagaimanapun, di peringkat pendidikan asas orang Jepun masih cenderung menghantar anak mereka ke sekolah aliran Jepun yang ditubuhkan sendiri oleh mereka di Sabah. Sekolah Jepun buat pertama kalinya ditubuhkan pada tahun 1983 yang dikenali sebagai *Kinabalu Japanese School*. Guru Besar sekolah ini ialah Nagata, manakala tenaga pengajarnya

terdiri daripada guru-guru yang berasal dari Jepun selain Sabah. Matlamat penubuhannya ialah bagi menguatkan semangat patriotisme kepada anak-anak Jepun. Selain itu menurut Reiko Furiya, penubuhan sekolah Jepun di luar negara juga dianggap sebagai usaha menstabilkan masyarakat Jepun dan seterusnya tumpuan mereka untuk terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi di seberang laut adalah tinggi.<sup>59</sup> Cuma, penubuhan sekolah seperti ini melambatkan proses asimilasi dalam kalangan masyarakat Jepun dan juga masyarakat lain di Sabah. Petersen menjelaskan gerakan anti-Jepun di San Francisco pada 1906, berpunca daripada usaha penubuhan sekolah Jepun dengan menerapkan sukatan pelajaran, kurikulum serta bahasa Jepun.<sup>60</sup>

Kewujudan kekangan sumber bertulis menyebabkan analisis pola petempatan dan bahasa pertuturan bagi mengukur tahap hubungan etnik Jepun dan masyarakat lain sekali lagi tidak dapat dijelaskan secara komprehensif. Sumber lisan sekali lagi dijadikan sumber alternatif bagi menjelaskan fenomena pola petempatan dan bahasa pertuturan masyarakat Jepun di Sabah. Menurut Haji Palembang @ Haji Ibrahim Abdullah yang merupakan penduduk asal Pulau Dinawan yang pernah bekerja di BFC (sebelum Perang Dunia Kedua) dan TFC (selepas Perang Dunia Kedua) menyatakan pola petempatan masyarakat Jepun masih cenderung menetap secara berkelompok sesama mereka.<sup>61</sup> Hal ini mempunyai persamaan dengan masyarakat Jepun di Amerika Syarikat. Kitano menjelaskan bahawa hampir keseluruhan kumpulan generasi kedua, iaitu *Nisei-Sansei* tidak kisah dengan tempat tinggal mereka di Amerika Syarikat demi mencapai asimilasi budaya dan juga penyesuaian diri. Hal ini diakui oleh Carey McWilliams bahawa masyarakat Jepun generasi kedua cukup mudah berasimilasi dengan bangsa dominan lain di Amerika Syarikat.<sup>62</sup>

Kurangnya interaksi seperti ini menyebabkan timbul prasangka di sebalik hubungan etnik yang harmoni. Apakah hubungan etnik yang baik disebabkan faktor kepentingan politik? Dalam konteks hubungan etnik antara orang Jepun dan orang Peru yang dilihat juga sangat baik, Gardiner menegaskan bahawa niat Jepun berasimilasi melalui pertukaran fahaman agama kepada Katolik boleh jadi atas faktor kepentingan ekonomi dan sosial semata-mata.<sup>63</sup> Jelasnya, kemasukan rakyat asing termasuk masyarakat Jepun ke Sabah sejak sebelum perang sehingga Sabah merdeka telah

mewujudkan masyarakat berbilang kaum serta kelompok komuniti minoriti yang berada di tengah-tengah masyarakat dominan. Walau bagaimanapun, dalam konteks hubungan etnik masyarakat Jepun adalah bersifat masyarakat plural (masyarakat majmuk). Masyarakat Jepun bebas mengamalkan sosiobudaya tradisi mereka tetapi dalam masa yang sama dapat menerima sosiobudaya etnik lain di bawah satu pemerintahan.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, hubungan etnik hanya bersifat masyarakat majmuk. Perkara ini adalah berdasarkan perkembangan hubungan sosiopolitik serta ekonomi seperti kekerapan lawatan rasmi dan tidak rasmi masyarakat Jepun ke Sabah, interaksi harian, aktiviti sukan, kadar jenayah antara kaum, perkahwinan, amalan budaya, bahasa dan persekolahan yang digunakan sebagai kayu ukur dalam perbincangan ini. Tidak wujud hubungan yang menjurus ke arah berlakunya asimilasi seperti struktur pola petempatan, bahasa dan budaya yang diamalkan secara bersama, aliran persekolahan yang sama atau perkahwinan campur yang ketara. Kurangnya hubungan seperti itu menyebabkan masyarakat Jepun hidup secara bersama dengan etnik-etnik lain tetapi dalam masa yang sama tetap mengekalkan dan mengamalkan bahasa dan budaya mereka dalam amalan seharian.

## NOTA

- <sup>1</sup> William Wetherall. "Nationality in Japan." In Son I'.n Lee (Eds.). (2012). *Japan's diversity dilemmas: Ethnicity, citizenship, and education*. United States of America: Harvard University. Hlm. 11.
- <sup>2</sup> Hanapi Dollah. (1986). *Asimilasi budaya: Kajian kes komuniti Cina di Kelantan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 17–18 dan 6–7.
- <sup>3</sup> Abu Talib Ahmad. (2005). *Tamadun Jepun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 2.
- <sup>4</sup> *Ibid.*
- <sup>5</sup> Lydia N. Yu-Jose. (1992). *Japan views the Philippines 1900–1944*. Manila: Ateneo de Manila University Press. Hlm. 14, Yukiko Kimura. (1988). *Issei: Japanese immigrants in Hawaii*. Honolulu: University of Hawaii Press. Hlm. 30 dan C. Harvey Gardiner. (1975). *The Japanese and Peru 1873–1973*. Albuquerque: University of New Mexico Press. Hlm. 61.
- <sup>6</sup> K. V. Kesavan. (1972). *Japan's relations with Southeast Asia: 1952–1960, with particular reference to the Philippines and Indonesia*. Bombay: Somaiya Publications PVT Ltd. Hlm. 13.
- <sup>7</sup> L. W. Jones. (2007). *The population of Borneo: A study of the peoples of Sarawak, Sabah and Brunei*. Kota Kinabalu: Opus Publications. Hlm. 44.



- <sup>8</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 31 Julai 1956, *North Borneo News and Sabah Times*. 8 Ogos 1956 dan *North Borneo News and Sabah Times*. 10 Ogos 1956.
- <sup>9</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 9 Ogos 1956.
- <sup>10</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 7 Ogos 1956.
- <sup>11</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 8 Ogos 1956.
- <sup>12</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 13 Ogos 1956 dan *North Borneo News and Sabah Times*. 14 Ogos 1956.
- <sup>13</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 7 Ogos 1956.
- <sup>14</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 7 Mei 1959, *North Borneo News and Sabah Times*. 9 Mei 1959, *North Borneo News and Sabah Times*. 11 Mac 1961 dan *North Borneo News and Sabah Times*. 31 Mac 1962.
- <sup>15</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 28 Jun 1961.
- <sup>16</sup> *North Borneo News and Sabah Times* 4. Julai 1961 dan *North Borneo News and Sabah Times* 11 Oktober 1961.
- <sup>17</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 28 Oktober 1959.
- <sup>18</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 11 Julai 1959.
- <sup>19</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 8 Ogos 1956.
- <sup>20</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 14 Mei 1959.
- <sup>21</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 30 Jun 1961.
- <sup>22</sup> Temu bual yang dilakukan dengan Rabbi Abtahil pada Julai 2014 di Semporna.
- <sup>23</sup> Temu bual yang Mansur Abu Kassim pada Julai 2014 di Semporna.
- <sup>24</sup> Kos menggunakan perkhidmatan ini ialah \$25.75 untuk tiga minit dan setiap penambahan minit adalah sebanyak \$8.60. Perkhidmatan ini wujud dari sekitar pukul 3.00 petang hingga 4.00 petang setiap hari kecuali hari Ahad dan cuti awam. Caj minimum ialah \$25.75. Rujuk *North Borneo News and Sabah Times*. 17 Jun 1961.
- <sup>25</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 21 Julai 1961.
- <sup>26</sup> Kes pergaduhan tersebut berlaku disebabkan kes kecurian barang yang dibeli oleh mereka. Rujuk *North Borneo News and Sabah Times*. 8 November 1961.
- <sup>27</sup> Temu bual dengan Mansur Abu Kassim pada Julai 2014 di Semporna.
- <sup>28</sup> Temu bual dengan Mansur Abu Kassim pada Julai 2014 di Semporna.
- <sup>29</sup> Suet Sudo. (1992). *The Fukuda Doctrine and Asean: New Dimensions in Japanese Foreign Policy*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies. Hlm. 2.
- <sup>30</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 5 Julai 1965.
- <sup>31</sup> Masashi Nishihara. (1976). *The Japanese and Sukarno's Indonesia: Tokyo-Jakarta Relations, 1951-1966*. Honolulu: The University Press of Hawaii. Hlm. 128-145.
- <sup>32</sup> *North Borneo News and Sabah Times*. 22 Februari 1964, *North Borneo News and Sabah Times*. 2 Julai 1965, *North Borneo News and Sabah Times*. 14 Julai 1965, *Kinabalu Sabah Times*. 4 Mac 1970, *Sabah Times*. 23 Ogos 1983, *Kinabalu Sabah Times*. 4 Julai 1970, *Sabah Times*. 24 Ogos 1982, *Kinabalu Sabah Times*. 15 Disember 1969, *The Kinabalu Times*. 20 Julai 1966, *The Kinabalu Times*. 23 Julai 1966, *The Kinabalu Times*. 12 Jun 1967, *North Borneo News and Sabah Times*. 22 Februari 1964, *The Kinabalu Times*. 16 Disember 1966, *The Kinabalu Times*. 8 Oktober 1966, *North Borneo News and Sabah Times*. 15 Februari 1966, *Kinabalu Sabah Times*. 21 Mei 1977, *Sabah Times*. 8 April 1983, *The Kinabalu Times*. 16 Disember 1966. *North Borneo News and Sabah Times*. 7 Januari 1964, *Kinabalu Sabah Times*. 1 Januari 1969, *The Kinabalu Times*. 16 Disember 1966, *The Kinabalu Times*. 8 Oktober 1966, *North Borneo News and Sabah Times*. 15 Februari 1966, *North Borneo News and Sabah Times*. 22 Februari 1964, *North Borneo News and Sabah Times*. 2 Julai 1965, *North Borneo News and Sabah Times*. 14 Julai 1965, *The Kinabalu Times*. 20 Julai 1966, *The Kinabalu Times*. 23 Julai 1966, *The Kinabalu Times*. 23 Julai 1966 dan *The Kinabalu Times*. 12 Jun 1967.
- <sup>33</sup> Kerajaan Malaysia menuntut agar Kerajaan Jepun membayar 'hutang darah' sebanyak \$130 juta kepada Malaysia. Namun, Jepun hanya memberi kapal seberat 10,000 tan bernilai \$29 juta sebagai bayaran. Pada 18 Julai 1967, Persatuan Masyarakat Cina di Malaysia melalui Setiausaha persatuan, En. Henry membantah 'nilai' pemberian hadiah tersebut. Akibatnya, Tunku Abdul Rahman selaku Perdana Menteri Malaysia enggan memeterai perjanjian tersebut yang dijadualkan pada 18 Ogos 1967 apabila Jepun berkehendakkan Malaysia membuat 'Aku Janji' bahawa selepas ini tidak akan wujud lagi tuntutan berkaitan dengan hutang darah ini. Sehingga perjanjian *Goodwill Payment Agreement* antara Malaysia dan Jepun tersebut dimeterai pada 22 September 1967 tanpa melibatkan 'Aku Janji.' Rujuk *The Kinabalu Times*. 27 Mei 1967, *The Kinabalu Times*. 19 Julai 1967, *The Kinabalu Times*.

- 17 Ogos 1967, *The Kinabalu Times*. 22 Ogos 1967, *The Kinabalu Times*. 22 September 1967 dan *The National Archives*: DO 169/193: *Compensation from Japan for Malaysia*.
- <sup>34</sup> Antara konsul Jepun lain yang pernah berkhidmat di Sabah selepas perang ialah Shinichi Utsumi pada 2 Januari 1969, Totsuo Yoshida pada Mei 1970, Masao Honma pada 1977, Yashuiko Ota yang bermula pada tahun 1980, Yutaka Shimomoto dari tahun 1980–1983 dan T. Kojima sebagai Kosul Jepun pada tahun 1983 sehingga tahun 1985. Rujuk *North Borneo News* and *Sabah Times*. 7 Januari 1964, *Kinabalu Sabah Times*, *North Borneo News* and *Sabah Times* 13 Mei 1964, Januari 1969, *Kinabalu Sabah Times*. 14 Mac 1970, *Sabah Times*. 27 Februari 1980 dan *The Kinabalu Weekend*. 19 November 1977.
- <sup>35</sup> *The Kinabalu Times*. 15 Disember 1967.
- <sup>36</sup> Sehingga Januari 1974, terdapat seramai 1,200 orang Jepun di Malaysia dan 50 peratus daripadanya menetap di Kuala Lumpur. Rujuk *Kinabalu Sabah Times*. 17 Januari 1974.
- <sup>37</sup> *Kinabalu Sabah Times*. 20 Januari 1970, *Kinabalu Sabah Times*. 12 Januari 1970 dan *Kinabalu Sabah Times* 12 Mac 1973.
- <sup>38</sup> *Sabah Times*. 10 Julai 1984.
- <sup>39</sup> *North Borneo News* and *Sabah Times*. 13 Ogos 1963.
- <sup>40</sup> *Sabah Times*. 12 Mac 1968.
- <sup>41</sup> *The Kinabalu Weekend*. 28 Ogos 1976.
- <sup>42</sup> *Sabah Times*. 20 Oktober 1982.
- <sup>43</sup> *Kinabalu Sabah Times*. 23 Ogos 1974.
- <sup>44</sup> Semasa lawatan Tadao Sawae ke Sabah selama tiga hari, beliau juga sempat membuat kunjungan hormat kepada Pemangku Ketua Menteri, Datuk Dr. James Ongkili pada 19 Oktober 1982. Rujuk *Kinabalu Sabah Times*. 10 September 1976 dan *Sabah Times*. 15 Februari 1980.
- <sup>45</sup> Temu bual Takao Matsuki pada Ogos 2012 di Tawau. "Masyarakat Jepun di Tawau."
- <sup>46</sup> *The Kinabalu Times*. 20 Julai 1966.
- <sup>47</sup> Kejohanan ini telah dirasmikan oleh Konsul Jepun di Sabah iaitu T. Kojima dan pemberian hadiah telah diberikan oleh Naib Presiden kelab iaitu T. Nakao. Rujuk *Sabah Times*. 14 September 1982.
- <sup>48</sup> *North Borneo News* and *Sabah Times*. 21 Februari 1966.
- <sup>49</sup> Dalam kejadian rompakan ini, sebanyak \$36,737 wang gaji syarikat telah dilarikan. Walau bagaimanapun, kedua-dua perompak tersebut berjaya ditangkap dan dijatuhkan hukuman penjara selama lapan tahun. Rujuk *Sabah Times*. 9 April 1983.
- <sup>50</sup> *Daily Express*. 31 Oktober 1983.
- <sup>51</sup> Temu bual dengan Rabbi Abtahil pada Julai 2014 di Semporna.
- <sup>52</sup> William Petersen. (1971). *Japanese Americans: Oppression and success*. New York: Random House. Hlm. 134.
- <sup>53</sup> *Kinabalu Sabah Times*. 20 Ogos 1969.
- <sup>54</sup> Harry H. L. Kitano. (1969). *Japanese Americans: The evolution of a subculture*. New Jersey: Prentice-Hall. Hlm. 1.
- <sup>55</sup> *North Borneo News* and *Sabah Times*. 6 Ogos 1965.
- <sup>56</sup> *North Borneo News* and *Sabah Times*. 11 Disember 1964.
- <sup>57</sup> OISCA mula membuka cawangan latihannya di Malaysia pada 1967 oleh Dr. Yanosuke Nakano selaku presiden setelah beliau datang ke Malaysia. Peranannya pada ketika itu ialah memberi latihan kepada kakitangan pelatih MARA. Sejak tahun 1968, ramai daripada pelatih MARA yang memperoleh faedah daripada latihan yang diberikan oleh OISCA. Rujuk Richard S. Gunting (24–26 Feb 1986), 'Impact of Institutional Development on The Agriculture Sector in Sabah,' *Seminar Kebangsaan Integrasi dan Pembangunan Sabah*. Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 467 dan *Kinabalu Sabah Times*. 4 Oktober 1979.
- <sup>58</sup> *Sabah Times*. 21 Mac 1983.
- <sup>59</sup> Reiko Furiya. (1993). The Japanese community abroad: The case of pre-war Davao in The Philippines." Dlm. Saya Shiraishi & Takashi Shiraishi (Ed.). (1993). *The Japanese in Colonial Southeast Asia. The Japanese in Colonial Southeast Asia*. New York: Cornell University. Hlm. 1158.
- <sup>60</sup> Lembaga Pendidikan di Amerika Syarikat telah mengarahkan pelajar Cina, Jepun dan Korea hanya belajar di sekolah awam masyarakat Timur disebabkan undang-undang Amerika Syarikat yang menetapkan bahawa pelajar dari Asia Timur yang berumur pertengahan 20 - an hanya dibenarkan mempelajari bahasa Inggeris dengan pelajar kanak-kanak lelaki dan perempuan di Amerika Syarikat. Rujuk William Petersen (1971). *Japanese Americans: Oppression and Success*. New York: Random House. Hlm. 39 & 59.

- <sup>61</sup> Temu bual yang dilakukan dengan Haji Palembang @ Ibrahim Abdullah di rumah kediaman beliau di Rancangan Pegagau pada Ogos 2013.
- <sup>62</sup> Carey McWilliams. (1971). *Prejudice Japanese-Americans: Symbol of racial intolerance*. United States of America: Archons Books. Hlm. 73.
- <sup>63</sup> C. Harvey Gardiner. (1975). *The Japanese and Peru 1873-1973*. Albuquerque: University of New Mexico Press. Hlm. 73.

## RUJUKAN

### Sumber Awalan

The National Archives: DO 169/193: Compensation from Japan for Malaysia.  
Laporan Perangkaan Ketibaan Pelawat Sabah Tahun 1969-1985. Jabatan Perangkaan  
Malaysia Cawangan Sabah.

### Akhbar

*Daily Express.*  
*Kinabalu Sabah Times.*  
*North Borneo News and Sabah Times.*  
*Sabah Times.*  
*The Kinabalu Weekend.*

### Buku

- Abu Talib Ahmad. (2005). *Tamadun Jepun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carey McWilliams. (1971). *Prejudice Japanese-Americans: Symbol of racial intolerance*. United States of America: Archons Books.
- Hanapi Dollah. (1986). *Asimilasi budaya: Kajian kes komuniti Cina di Kelantan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harry H. L. Kitano. (1969). *Japanese Americans: The evolution of a subculture*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Harvey Gardiner C. (1975). *The Japanese and Peru 1873-1973*. Albuquerque: University of New Mexico Press.
- Jones L. W. (2007). *The population of Borneo: A study of the peoples of Sarawak, Sabah and Brunei*. Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Kesavan K. V. (1972). *Japan's relations with Southeast Asia: 1952-1960, with particular reference to the Philippines and Indonesia*. Bombay: Somaiya Publications PVT Ltd.
- Lydia N. Yu-Jose. (1992). *Japan views the Philippines 1900-1944*. Manila: Ateneo de Manila University Press.

- Masashi Nishihara. (1976). *The Japanese and Sukarno's Indonesia: Tokyo-Jakarta Relations, 1951-1966*. Honolulu: The University Press of Hawaii.
- Reiko Furiya. (1993). "The Japanese Community Abroad: The Case of Pre-war Davao in The Philippines." dlm. Saya Shiraishi & Takashi Shiraishi (Ed.). *The Japanese in Colonial Southeast Asia. The Japanese in Colonial Southeast Asia*. New York: Cornell University.
- Richard S. Gunting (24-26 Feb 1986). "Impact of Institutional Development on The Agriculture Sector in Sabah." *Seminar Kebangsaan Integrasi dan Pembangunan Sabah*. Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sueo Sudo. (1992). *The Fukuda doctrine and Asean: New dimensions in Japanese foreign policy*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- William Petersen. (1971). *Japanese Americans: Oppression and success*. New York: Random House.
- William Wetherall. (2012). Nationality in Japan in Son I'm Lee (Ed.). *Japan's diversity dilemmas: Ethnicity, Citizenship, and Education*. United States of America: Harvard University.
- Yukiko Kimura. (1988). *Issei: Japanese immigrants in Hawaii*. Honolulu: University of Hawaii Press.

## **Temu Bual**

- Mansur Abu Kassim pada Julai 2014 di Semporna "Masyarakat Jepun di Pulau Si-Amil Semporna Selepas Perang Dunia Kedua."
- Palembang @ Ibrahim Abdullah pada Ogos 2013 di rumah kediaman beliau di Rancangan Pegagau. "Masyarakat Jepun Di Pulau Si-Amil Semporna Selepas Perang Dunia Kedua."
- Rabbi Abtahil pada Julai 2014 di Semporna. "Masyarakat Jepun di Pulau Bohey Dulang, Semporna Selepas Perang Dunia Kedua."
- Takao Matsuki pada Ogos 2012 di Tawau. "Masyarakat Jepun di Tawau."